

AL-NASHRAH

Leading The Way - Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
(Bil 2) Julai - Dis 2012 No. ISSN 2231-9794

PERLANCANGAN INOVASI
Universiti Sains Islam Malaysia

DEWA
UNIVERSITI

transf

PUSAT 3



Menarik di dalam

- FKP Menang Anugerah Kualiti Naib Canselor
 - FKP Ketua Pengajaran SelPTI
- Formula ABCDE Untuk Penjawat Awam
- 66 Siswa FKP Terima Anugerah Dekan

ISI KANDUNGAN

Kata Aluan Dekan	3
FKP Ketua SelPTI 2012	4
Berita Fakulti	5-7
Formula ABCDE Penjawat Awam	8
Teknik Persembahan PowerPoint	9
Islamic-Based Counseling	10
How to Read a Newspaper	11
Adab Bergaul Dalam Islam	16
Berita Siswa	18-20
Resensi Buku	21
Penyelidikan Terkini di FKP	22
Takwim FKP	23

SIDANG EDITOR

Penasihat

Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani

Ketua Editor

Prof. Madya Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariffin

Editor

Dr Kamaluddin Nurdin Marjuni

Dr Salhah Abdullah

En Khairunneezam Mohd Noor

En Ahmad Najaa Mokhtar

Pn Fauziah Hassan

Penyumbang Foto

En Al Imran Azmi

En Kamarull Syamzari Kamaruddin

En Mohd Yusrizal Mohd Yunus

En Tunku Mohd Hashrig Bakar

Rencana Ketua Editor



Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera

Alhamdulillah bersyukur saya
ke hadrat Allah S.W.T atas kudratNya,
Buletin Al Nashrah kali ketiga
sempena Edisi Kedua untuk
tahun 2012 telah dapat diterbitkan.

Buletin Al Nashrah kali ini
mengungkap variasi kisah dan cerita
yang berlaku di sepanjang Bulan Jun hingga Disember pada tahun lepas
dalam kalangan ahli Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP). Pelbagai
program dan aktiviti pelajar telah berjaya dilaksanakan sama ada di
peringkat fakulti mahupun universiti bagi memastikan pelajar-pelajar dari
FKP berhasil memperoleh ilmu dan pengalaman yang baru. Bagi menyahut
seruan Naib Canselor USIM yang baru iaitu Prof. Dr Asma Ismail, program
engagement dalam kalangan pelajar perlu diteruskan supaya mahasiswa
USIM boleh mencetuskan idea dengan membantu masyarakat di luar sana.

Selain itu, kecemerlangan dalam kalangan tenaga pengajar juga menunjukkan
bahawa FKP sedang gigih melahirkan pendidik yang telus berbakti dan
menyumbangkan ilmu yang dimiliki menerusi proses pembelajaran dan kajian-
kajian yang dijalankan di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Saya
percaya kejayaan yang ditunjukkan adalah atas hasil usaha dan keinginan
sendiri untuk memastikan perkembangan kerjaya sentiasa berada di puncak.
Kepada semua pembaca yang budiman, adalah diharapkan bahawa kandungan
dalam buletin kali ini akan memberi manfaat untuk proses perkongsian ilmu
sesama kita. Komitmen kami dalam memberikan informasi terkini kepada
semua diharapkan mendapat kerjasama dengan menghantar sebarang komen
atau cadangan kepada pihak sidang editorial untuk penambahbaikan dan
peningkatan prestasi sebagai tanda sokongan.

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada
ahli sidang editorial yang telah banyak membantu dalam penerbitan kali ini.
Semoga pertolongan yang diberikan akan mendapat kebaikan hendaknya.
Terima kasih dan tahniah diucapkan.

Akhir kata, saya ucapkan selamat membaca kepada semua dan mudah-
mudahan Buletin Al Nashrah ini akan terus memberikan inspirasi, idea dan
sumbang saran kepada semua. AN

Sekian,

Prof. Madya Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariffin
Ketua Editor

Al-Nashrah mengalu-alukan sumbangan bahan untuk diterbitkan
di dalam buletin yang akan datang.

Sumbangan boleh dihantar kepada:

Editor,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai, 71800 Negeri Sembilan.
Tel: 06-7988279 Faks: 06-7988244

Email : fauziah.hassan@usim.edu.my

“

Ditimpa kehinaan mereka walau
di mana mereka berada melainkan
berjaya berpegang dengan agama
Allah S.W.T. dengan menghubungkan
diri dengan Allah S.W.T. dan juga
berbuat baik sesama manusia ”

(Surah Ali-Imran: 112)

Dari Meja Dekan

Pertamanya, saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT atas nikmatnya dapat saya berpeluang sekali lagi memberikan sepatah dua kata dalam Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Pertamanya, saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT atas nikmatnya dapat saya berpeluang sekali lagi memberikan sepatah dua kata dalam buletin Al Nashrah untuk kali kedua. Marilah kita bersama-sama melahirkan rasa syukur atas ketenangan, kemuafakatan dan kejayaan yang telah dikecapi sepanjang berada di universiti yang penuh dengan ilmu Allah SWT ini.

Telah banyak kejayaan dan pengiktirafan yang diraih oleh kakitangan dan para pelajar di fakulti ini dalam tempoh sepanjang tahun 2012. Saya bersyukur kerana ahli-ahli di fakulti ini telah bersama-sama saya bermuafakat dalam mencipta kecemerlangan dan menaikkan imej fakulti. Semoga dengan kejayaan berterusan dalam pelbagai bidang ini dapat menaikkan semangat ahli fakulti untuk terus maju di masa hadapan.

Pembangunan kecemerlangan kakitangan dan perkembangan prestasi adalah perkara yang amat dipentingkan. Kelancaran agenda pelan strategik USIM juga amat bergantung kepada prestasi kecemerlangan kakitangan. Terbaru, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kakitangan akademik FKP yang telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah atas kejayaan dianugerahkan Doktor Falsafah kepada Dr. Siti Suriani Othman (Ketua Program Komunikasi), Dr. Salhah Abdullah (Ketua Program Kaunseling) dan Dr. Abdul Rahim Zumrah (Pensyarah Dakwah dan Pengurusan Islam). Tidak lupa juga tahniah diucapkan kepada Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani (Pegawai ACREDA) atas penganugerahan Profesor Madya kepada beliau dan Dr. Siti Suriani Othman yang mendapat kenaikan pangkat ke Pensyarah DS 52. Semoga kejayaan yang diraih ini akan memberi inspirasi baru kepada mereka dan membakar semangat kepada kakitangan yang lain untuk turut sama bersinar.

Kejayaan fakulti dalam penganjuran dua seminar di peringkat antarabangsa nyata telah memberi impak yang signifikan dan sekaligus membantu untuk mengumpulkan para intelek dan cendekiawan di seluruh dunia bersama-sama berkongsi ilmu dan berkolaborasi. Hubungan akademik yang terjalin ini diharapkan dapat membuahkan hasil yang lebih berbaloi dalam penyelidikan atau penerbitan di peringkat antarabangsa terutamanya. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada semua ahli fakulti yang telah bertindak sebagai sekretariat di kedua-dua seminar ini atas usaha, tenaga, masa, komitmen dan buah fikiran yang diberikan dalam memastikan seminar ini berjalan dengan lancar.

Penyelidikan, penerbitan dan penulisan di peringkat universiti dan antarabangsa merupakan kriteria utama untuk menjadi ahli akademik yang berkualiti. Justeru, fakulti ini juga tidak turut ketinggalan dalam memberi sokongan, bantuan dan semangat untuk mengajak semua ahli di fakulti ini menjadikan penyelidikan dan penerbitan sebagai minat utama mereka di samping pengajaran. Bengkel dan seminar yang telahpun dijalankan di sepanjang tahun lepas adalah untuk menarik minat dan kesungguhan di kalangan ahli akademik demi mengintegrasikan ilmu baru yang akan dimanfaatkan oleh semua.

Peranan fakulti ini dalam usaha melahirkan graduan yang cemerlang dalam IQ dan EQ adalah bergantung kepada aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti. Justeru, ahli akademik diharapkan dapat memanfaatkan semua kemudahan aktiviti P&P yang disediakan oleh fakulti dan universiti agar proses P&P ini dapat dijalankan dengan lebih berkesan seterusnya membantu para pelajar melalui proses pembelajaran dengan lebih bermakna. Modul Kemahiran Insaniah yang diterapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) juga perlu disambut baik oleh semua pihak. Justeru, saya menggesa semua ahli akademik untuk mengikut atribut yang telah digariskan dalam melahirkan graduan yang serba boleh, matang, berdikari dan inovatif.

Selain itu, pencapaian para pelajar dalam bidang akademik juga telah menunjukkan perkembangan yang positif. Sempena konvokesyen USIM yang ke 10 pada tahun ini FKP telah berjaya melahirkan tiga pelajar Doktor Falsafah Da'wah dan Pengurusan Islam dan seorang dalam Pengurusan Sumber Manusia. Manakala 16 pelajar telah bergraduasi di peringkat Sarjana masing-masing dalam Sarjana Da'wah dan Pengurusan Islam, Sarjana Da'wah dan Kepimpinan Islam, Sarjana Kaunseling (Kaunseling Keluarga), Sarjana Komunikasi (Pengurusan Media) dan Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah). Di samping itu, seramai 140 pelajar masing-masing telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang masing-masing. Syabas dan Tahniah diucapkan.

Variasi program yang dijalankan dalam kalangan para pelajar nyata telah menyuntik motivasi dan berjaya memperbaiki potensi diri pelajar dalam usaha untuk membentuk generasi Al-Abrar. Program-program seperti Liqa, program kepimpinan, mobiliti masyarakat, program GISO dan sebagainya telah memberi ilmu dan pengalaman baru kepada para pelajar untuk diaplikasikan seluruhnya. Seterusnya adalah diharapkan mereka dapat menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan masyarakat serta turut sama menyebarkan dakwah Islamiah selepas menamatkan pengajian di sini.

Akhir kata, semoga cabaran dan peluang yang akan kita tempuh untuk tahun-tahun akan datang dapat dihadapi dengan jaya atas kemuafakatan dan kesungguhan yang terjalin. Saya juga mengharapkan agar semua ahli di fakulti ini dapat membentuk satu perkongsian ilmu yang jelas serta mengamalkan sifat tolong-menolong di antara satu sama lain demi menjana kejayaan di fakulti yang kita sayangi ini.



Penghargaan saya kepada sidang editorial yang terlibat dalam penerbitan Al-Nashrah ini saya lafazkan dengan ucapan terima kasih. Tahniah di atas usaha dan daya yang ditunjukkan untuk penerbitan kali ini dan adalah diharapkan agar lebih banyak lagi maklumat dan informasi mengenai fakulti dan universiti dapat dimaklumkan dan dikongsikan menerusi penerbitan yang akan datang.

Salam Hormat,

Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani

Dekan

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM



FKP Ketua Penganjuran SelPTI 2012

14 Disember – Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) sekali lagi telah diberi kepercayaan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk mengetuai penganjuran Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam (SelPTI) 2012 di Dewan Kuliah Utama, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.

Seminar ini merupakan gabungan kerjasama antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei dan Institut Studi Islam Darussalam (ISID) Indonesia. Sebanyak 250 peserta telah hadir dengan 72 kertas kerja dalam pelbagai bidang telah berjaya dibentangkan.

Selain pembentangan kertas kerja, seminar ini turut mengadakan Mesyuarat Eksekutif dan Perbincangan Meja Bulat bersama 30 wakil ketua jabatan Pengajian Islam seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta di Malaysia bagi membincangkan hala tuju bidang pengajian Islam.

Hasil perbincangan meja bulat tersebut, USIM telah diberi kepercayaan untuk mengetuai penubuhan konsortium di antara tiga negara.

Menurut Naib Canselor USIM, Y. Bhg. Profesor. Dr. Asma Ismail, penubuhan konsortium ini amat penting demi membangunkan institusi pengajian Islam sekaligus ke arah menjadikan pengajian Islam satu bidang profesional.

“Selain mengadakan penerbitan, penyelidikan dan program sangkutan ahli akademik, penubuhan konsortium ini akan menjadi satu penanda aras dalam mengangkat institusi pengajian tinggi Islam dan saya percaya jalinan antara UNISSA dan ISID dapat memperluaskan dan mengangkat penubuhan konsortium ini ke peringkat antarabangsa,” katanya ketika mempengerusikan perbincangan meja bulat tersebut.

Sementara itu, Pengarah SelPTI 2012, Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani berkata, seminar SelPTI kali ini bukan sahaja berjaya mengumpulkan ahli akademik di peringkat serantau malah idea yang dicetuskan oleh Naib Canselor untuk menubuhkan konsortium merupakan cadangan bernas yang akan menjamin hubungan erat tiga negara akan terus terjalin.

“Saya pasti bahawa penubuhan konsortium ini akan berperanan mengangkat imej institusi pengajian tinggi Islam di mata dunia sekaligus menjadikan bidang Pengajian Islam ini adalah penting dan diiktiraf seluruh dunia terutama dalam bidang halal, sistem kewangan Islam, pengkomersilan, kajian, percambahan ilmu dan sebagainya.

SelPTI 2012 bertujuan untuk menjadi satu medan pertemuan yang tepat dalam merealisasikan matlamat kesepaduan idea dan perbincangan ilmiah antara institusi pengajian tinggi Islam serantau yang mencakupi negara-negara serantau di Asia Tenggara ini dalam memperkasa hala tuju dan matlamatnya.

Seminar ini dirasmikan oleh YB Dato’ Seri Dr. Abdullah Bin Md. Zin, Penasihat Agama kepada Y.A.B. Perdana Menteri. AN



BERITA FAKULTI

FKP MENANG ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR (AKNC)

25 Mei – Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) telah berjaya menggondol Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) bagi kategori pusat-pusat pengajaran.

Anugerah yang menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM3000 itu telah disampaikan oleh Naib Canselor USIM, Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda semasa Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi Tahun 2011 yang berlangsung di Dewan Kuliah Pusat 3.

Menurut Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani, Dekan FKP, kejayaan ini dianggap sebagai pembakar semangat kepada kakitangan FKP untuk terus berkhidmat dengan cemerlang pada masa-masa akan datang terutama dalam aspek pengajaran dan pembelajaran.

"Alhamdulillah saya amat bersyukur atas kejayaan ini dan berterima kasih kepada semua kakitangan di FKP yang bertungkus-lumus pada tahun lepas dan bekerjasama dalam memacu FKP ke arah yang lebih cemerlang," katanya ketika ditemu bual.

Anugerah ini merupakan yang pertama kali dimenangi oleh FKP dan merupakan anugerah tertinggi diraih oleh FKP setakat ini di peringkat universiti. AN



22 STAF FKP DAPAT PELBAGAI ANUGERAH KECEMERLANGAN

25 Mei – Sebanyak 22 staf FKP yang terdiri daripada kakitangan akademik dan pentadbiran telah berjaya meraih anugerah kecemerlangan semasa Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi Tahun 2011.

Majlis yang dirasmikan oleh Y.Bhg. Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj Husin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Universiti Sains Islam Malaysia telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Kuliah Pusat 3. AN

Berikut adalah senarai penerima anugerah kecemerlangan:

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali (Pensyarah DS 45)
Marina Munira Abdul Mutalib (Pensyarah DS 45)
Rezki Perdani Sawai (Pensyarah DS 45)
Ainurliza Mat Rahim (Pensyarah DS 45)
Zunita Abdul Hamid (Pembantu Tadbir Kanan N 22)
Shaiful Sharizal Mohd Sadi (Penerbit Rancangan B 17)

ANUGERAH TERPUJI

Roslina Ahmad (Setiausaha Pejabat N 28)
Prof. Madya Dr. Mosbah Mansour Moussa Motawea (Profesor Madya DS 53)
Noor Adzrah Ramle (Pensyarah DS 45)

ANUGERAH TOKOH HASANUL MUDIR

Prof. Madya Dr. Mohd Radhi Ibrahim (Profesor Madya DS 54)

ANUGERAH PENYELIDIKAN

Salhah Abdullah (Pensyarah DS 52)

ANUGERAH PENERBITAN

Dr. Mohd Rumaizuddin Ghazali (Pensyarah DS 51)

KARYA ASLI TERBAIK (MAKALAH)

Salhah Abdullah (Pensyarah DS 52)
Prof. Madya Dr. Saedah A. Ghani (Profesor Madya DS 53)

ANUGERAH KHIDMAT MASYARAKAT

Dr Adanan Mat Junoh (Pensyarah DS 51)

ANUGERAH KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN KATEGORI PERAK

Tajuk Penyelidikan: INTACT Module (Integrated Addiction Counseling Training Module)

Prof. Madya Dr. Abd. Halim Mohd Husin
Zainol Abidin Ahmad
Zaliridzal Zakaria
Dini Farhana Baharuddin
Rezki Perdani Sawai
Mardziah Hayati Abdullah

Tajuk Penyelidikan: E-Counseling Stress Note dan Sohfnazz E-Family Stress

Prof. Madya Datin Dr. Sapora Sipon
Dr. Othman Rahman

KATEGORI GANGSA

Tajuk Penyelidikan: Multiple Intelligence Self Inventory (MISI): A Tool to Inspire Your Potential
Salhah Abdullah
Rezki Perdani Sawai



FKP, AKEPT Anjur ICIL-2 2012

27 September – Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) dengan kerjasama Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi Malaysia (AKEPT) telah berjaya menganjurkan Persidangan Antarabangsa Kepimpinan Islam (ICIL -2 2012) di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur.

Persidangan antarabangsa yang berlangsung selama dua hari itu telah berjaya menghimpunkan para cendekiawan, pegawai, penyelidik dan pemain industri bagi membincangkan kepimpinan intelek Islam dalam aspek penyelidikan, inovasi, kreativiti, keusahawanan dan komersil, cabaran dan prospek sarjana Islam di Asia, wanita dan kuasa serta kepimpinan Islam dan sebagainya.

Menurut Pengarah Persidangan, Profesor Dr Zulkiple Abd Ghani, persidangan ini telah menjemput barisan tokoh pemimpin dan cendekiawan Islam di sekitar Asean untuk mengadakan pembentangan serta bersama-sama berkongsi ilmu dan penemuan terkini mereka khususnya dalam mengenehkan kekuatan dan kelemahan intelek Islam dalam bidang kreativiti dan inovasi. "Persidangan ini adalah sebagai platform terbaik untuk menghebahkan dan mempromosikan kejayaan Islam dalam bidang kepimpinan, sains dan teknologi, inovasi, keusahawanan dan pengkomersialan kepada para peserta yang hadir," katanya ketika ditemu bual.

Beliau berkata, persidangan pada kali ini turut membuka peluang kepada ahli akademik dari dalam dan luar negara untuk membentangkan hasil kajian mereka pada tiga sidang selari yang disediakan dan sebanyak 48 kertas kerja telah dibentangkan dalam pelbagai bidang yang meliputi aspek kepimpinan Islam.

Antara tokoh yang dijemput ialah Profesor Emeritus Dato' Dr. Zakri Bin Abdul Hamid, Penasihat Sains Pejabat Perdana Menteri Malaysia; Profesor Dr. Hussin Mutalib, Profesor di Jabatan Sains Politik, National University of Singapore; Profesor Dato' Dr. Zaleha Binti Kamaruddin, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Profesor Dr. Asma Binti Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Sains Malaysia; Profesor Dr. Macapado A. Muslim, Presiden Mindanao State University, Philippines. Turut dijemput ialah Profesor Dr. Winai Dahlan, Pengarah di Pusat Sains Halal, Chulalongkorn University, Thailand; Profesor Dr. Edy Suandi Hamid, Rektor Universitas Islam Indonesia dan Profesor Dato' Dr. Mohd Yusof Bin Hj. Othman, Pengarah di Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Persidangan yang dianjurkan secara kolaborasi bersama (AKEPT) untuk kali kedua telah dihadiri kira-kira 400 peserta dari dalam dan luar negara yang terdiri daripada agensi kerajaan, NGO, syarikat swasta, para pensyarah dan pelajar.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, YB Dato Seri Khaled Nordin dan turut menerima penyertaan peserta dari luar negara seperti Iran, Indonesia, Brunei, Thailand, Palestin, Mesir, Sri Lanka, Filipina, Libya, Somalia, Nigeria dan India. AN



Lima Buku Akademik Diterbit Tahun 2012

10 Oktober – Staf akademik Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) telah berjaya menghasilkan sebanyak lima buah buku akademik pada tahun 2012.

Antara buku yang telah diterbitkan ialah Pemikiran Muhammad Al-Ghazali Dalam Bidang Al-Qur'an dan Al-Sunnah dan Yusuf Al-Qardawi dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat Islam di Malaysia (Mohd Rumaizuddin Ghazali), Jalan Menuju Allah Bingkisan Syeikh Yusuf Al-Taj Al-Khalwaty Di Ceylon (Syamsul Bahri Andi Galigo), Perhubungan Media di Malaysia (Mohd Yahya Mohamed Ariffin) dan Akidah Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamaah Di Malaysia: Cabaran dan Isu Kontemporari (Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Mohamad Nasrin Mohamad Nasir, Muhammad Yusuf Khalid dan Mohd Rushdan Mohd Jailani).

Menurut Timbalan Dekan Akademik dan Penyelidikan, Prof. Madya Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariffin kakitangan akademik sememangnya digalakkan untuk menerbitkan buku sama ada secara individu mahupun berkumpulan.

"Saya juga mengharapkan agar jumlah buku yang diterbitkan setiap tahun akan meningkat dan sehubungan itu pihak pengurusan FKP telah menjalankan beberapa bengkel penerbitan seperti Seminar dan Bengkel Muafakat Integrasi Ilmu untuk memberi sokongan dan garis panduan untuk menerbitkan buku," katanya ketika ditemu bual. AN

FKP Ambil Inisiatif Anjur Forum Ikhwan Muslimin

3 Ogos - Atas dasar ilmu, profesional dan sikap rasional yang dimiliki, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) mengambil langkah berani dengan menganjurkan satu perbincangan meja bulat mengenai gerakan Ikhwan Muslimin yang telah dipengerusikan oleh Y. Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda, Naib Canselor USIM.

Penganjuran forum ini bertujuan untuk kita mengambil maklum dan mengetahui tentang isu terkini yang berlaku di negara-negara Islam terutamanya di Mesir, katanya ketika ditemu bual.

"Saya berharap agar forum ilmiah ini dapat menjadi persediaan kepada kita untuk menghadapi cabaran di masa akan datang agar menjadi umat Islam yang berjaya," katanya yang turut menyuarakan keberanian FKP atas penganjuran forum ini.

Persidangan meja bulat yang dihadiri oleh kakitangan akademik, pelajar USIM serta IPT lain menjadi semakin rancak apabila pelbagai isu dan persoalan dilontarkan kepada ahli panel mengenai gerakan Ikhwan Muslimin di Mesir dan kesannya kepada Malaysia.

Sebelum itu, satu pembentangan khas oleh setiap ahli panel yang dijemput telah diadakan bagi menerangkan tentang fenomena Arab Spring yang telah melanda negara-negara di Asia Barat di Bilik Tayangan DKF 1.2 (FKP).

Ahli panel yang telah dijemput ialah Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman, Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya; Profesor Dr. Badlihisam Mohd Nasir, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Dr. Salah Mohamed Zaki Mohamed Ibrahim, Pensyarah FKP.

Majlis yang bermula pada jam 3.00 petang itu telah diakhiri dengan Majlis Tahsil dan Majlis Berbuka Puasa.AN



FKP Teraju Program LIQA' USIM

7 Mei - Selaras dengan misi dan visi Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) untuk menjadi fakulti rujukan, FKP dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah merealisasikan aspirasi universiti dengan melaksanakan Modul Pembangunan Insaniah Pelajar Muslim (LIQA') yang kini sudah memasuki siri kedua.

Program tersebut adalah inisiatif FKP untuk membantu mewujudkan golongan pelajar yang memiliki sifat Al-Abrar dan sekaligus membantu memenuhi gagasan idea USIM KRA 1 iaitu melahirkan graduan yang holistik dan berdaya gaji tinggi.

Menurut Naib Canselor USIM Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda, program LIQA' ini benar-benar menepati sasaran UISM KRA 1 iaitu dengan membantu melahirkan graduan yang menjadi warganegara yang berguna dan dapat menyumbang bakti secara positif kepada pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan negara.

"Saya juga ingin melahirkan rasa kesyukuran apabila ada dalam kalangan pelajar-pelajar senior di universiti ini yang sanggup meluangkan masa dan tenaga dengan membimbing dan berkongsi ilmu dalam pelbagai disiplin

untuk adik-adik mereka yang masih berada di Tahun 1," katanya semasa merasmikan Program LIQA' di Perkampungan Latihan dan Rekreasi, Nur Bukit Unggul pada 5 Mei yang lalu.

Sementara itu, Dekan FKP, Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani berharap agar semua pelajar yang terlibat bersifat optimis terhadap program ini dan memberikan kerjasama yang sepenuhnya dengan komitmen yang diberikan oleh setiap Rais dan Raisah yang telah dilantik.

Modul LIQA' ini melibatkan semua pelajar Tahun 1 di semua fakulti di USIM dan dikendalikan oleh setiap Rais atau Raisah yang terdiri daripada wakil Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia (SPMM), Jawatankuasa Kolej Kediaman (JAKSA) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta dipantau oleh Mursyid yang terdiri daripada pensyarah dan penyelaras yang telah dilantik.

Perjumpaan LIQA' dijadualkan sekurang-kurangnya 10 kali pertemuan dan diadakan sekali dalam seminggu setiap Rabu bermula jam 8.00-9.00 malam di bilik-bilik kuliah yang telah ditetapkan. AN

Warga FKP Bincang Hala Tuju di Teluk Batik Resort



22 Oktober - Semua warga Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) telah menjalani "retreat" dengan mengadakan Bengkel Hala Tuju di Teluk Batik Resort, Perak selama tiga hari bermula 19 Oktober 2012.

Bengkel tersebut bertujuan untuk membincangkan pelan hala tuju, perancangan aktiviti pelajar dan fakulti, perkembangan akademik dan penstrukturan organisasi telahpun mencapai beberapa resolusi yang dipersetujui oleh semua ahli fakulti.

Menurut Dekan FKP, Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani bengkel sebegini perlu diadakan bagi mendapatkan idea-idea, pendapat dan buah fikiran setiap ahli fakulti untuk menambah baik perancangan yang sedia ada.

Antara aktiviti yang diadakan ialah sukaneka, majlis makan malam dan lawatan ke sekitar Pulau Pangkor bersama ahli keluarga masing-masing. AN



Formula 'ABCDE' Penjawat Awam

Oleh: Khairunneezam Mohd Noor, Adanan Mat Junoh dan Nur Husna Mohamad Hussain

Kita pernah mendengar satu ketika dulu ada orang berkata "Anak saya kerja biasa-biasa saja, makan gaji dengan gomen (kerajaan)". Kata-kata ini menggambarkan betapa pemikiran masyarakat kita pada suatu ketika dahulu menganggap bekerja sebagai penjawat awam adalah tidak sehebat pekerjaan di sektor swasta. Kebiasaannya faktor gaji yang rendah atau pekerjaan yang bersifat monotonous atau tidak mencabar menjadi ukuran. Lantas, ramai yang memilih bekerja di sektor swasta yang berupaya memberikan jumlah gaji yang berlipat kali ganda lebih tinggi, mewujudkan kepelbagaian dan cabaran dalam suasana bekerja, dan menyediakan faedah-faedah sampingan seperti percutian, bonus tahunan dan sebagainya. Sehingga ke suatu tahap, pilihan untuk bekerja dengan kerajaan diletakkan di senarai paling bawah bagi graduan yang mahu mencari-cari kerja.

Kini, hasil daripada penambahbaikan berterusan oleh pihak kerajaan untuk memperbaiki kualiti pekerjaan penjawat-penjawat awam menyebabkan semakin ramai orang yang celik hati untuk menjadi sebahagian daripada warganya. Laporan dalam beberapa tahun kebelakangan ini daripada World Competitiveness Year Book yang dikeluarkan oleh IMD, sebuah institusi pengajian perniagaan terkemuka di Switzerland, meletakkan kerajaan Malaysia sebagai keenam terbaik di dunia dari aspek kecekapan. Kerajaan Malaysia berjaya meletakkan standard negara mengatasi negara-negara seperti United Kingdom, Jerman, Thailand, Sepanyol, Jepun, Rusia dan Perancis dalam kategori negara berpenduduk melebihi 20 juta orang.

Kejayaan kerajaan ini membuktikan betapa bersungguh-sungguhnya kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, dalam usaha memperbaiki kualiti perkhidmatan sektor awam sehingga mampu untuk duduk sama tinggi dan berdiri sama rendah dengan negara-negara maju lain. Kejayaan kerajaan ini juga membuktikan betapa tingginya martabat warga penjawat awam yang menunjukkan kecekapan, kecemerlangan dan produktiviti kerja sehingga menjadi antara yang terbaik di seluruh dunia. Tidak hairanlah kini bila mana iklan-pekerjaan di sektor awam dihebahkan di media cetak atau media massa, ia mampu menarik minat puluhan malah ratusan ribu pemohon dalam tempoh yang singkat. Masyarakat mula memandang tinggi sektor awam dan tidak lagi menganggap ia pekerjaan kelas kedua.

Untuk mengekalkan bahkan meningkatkan lagi kedudukan sektor awam ini bukanlah sesukar mana, bak kata orang, "kalau hendak seribu dayanya, tak hendak seribu dalihnya". Banyak panduan yang telah digariskan oleh tampek kepimpinan kerajaan ke arah usaha pembaikan berterusan ini. Misalnya Datuk Sri Mohd Najib sendiri beberapa kali dalam ucapan-ucapannya persidangan nasional dan antarabangsa telah mengagahkan formula ABCDE untuk meningkatkan kualiti dan integriti penjawat awam di seluruh negara.

Kalau kita perhalusi satu persatu 'mnemonik' huruf-huruf dalam formula 'ABCDE' Datuk Seri Najib ini, ia ibarat tonik paling mujarab yang harus dijadikan panduan terbaik untuk para penjawat awam melaksanakan tugas dengan sempurna. Huruf A yang membawa maksud amanah memperihalkan akan peri pentingnya untuk melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan

Jangan mengkhianati kepercayaan yang diberi ini dengan membuat sesuatu yang boleh merosakkan integriti kerja seperti 'mencuri tulang', mengamalkan rasuah atau bersifat bengis terhadap pelanggan. Jika amanah itu menjadi pegangan, pasti akan begitu minimum atau tidak kedengaran langsung keluhan dan komen negatif pelbagai pihak terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh penjawat awam.

Konsep pekerja yang bersifat Ulul Albab dizahirkan melalui huruf B yang bermaksud bijak. Seperti mana dinyatakan Abdul Rahman Haqqi (2007) Ulul Albab menunjukkan dua sifat utama dalam dirinya iaitu karektor Az-zikri (yang lidahnya sentiasa basah berzikir dan hatinya sentiasa tawaduk mengingati Allah) dan al-tafakkur (selalu menggunakan fikiran dan dahagakan ilmu pengetahuan). Ulul Albab dalam sektor awam—merangkumi semua pekerja daripada Pembantu Am Rendah hinggalah kepada Ketua Jabatan— adalah mereka yang bijak dan matang mencerna ilmu pengetahuan yang dimilikinya tidak kira ianya bersifat duniawi atau ukhrawi untuk membuat kerja dengan baik, berkongsi kepakarannya dengan orang lain, dan sentiasa cuba mendapatkan keredhaan-Nya dengan melaksanakan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang agama. Semakin luas ilmu pengetahuan seseorang itu bermaksud semakin bijaklah dia mencerna hala tuju kerjanya supaya menjadi lebih cemerlang dari semasa ke semasa.

Huruf C untuk cekap mengagahkan bahawa penjawat awam perlu mampu mencapai standard kerja yang ditetapkan organisasi dan menepati masa yang ditetapkan. Seseorang penjawat awam perlu mewujudkan sistem benchmarking iaitu mewujudkan sasaran-sasaran kerja yang realistik dan cuba untuk mencapai bahkan mengatasi tahap pencapaian tersebut. Dedikasi yang direfleksikan oleh huruf D mengajak penjawat awam untuk memberikan sepenuh tenaga, buah fikiran dan usaha ke arah pembangunan organisasi secara spesifiknya dan sektor awam secara umumnya. Dedikasi yang tinggi dalam bekerja akan mewujudkan apa yang dipanggil sense of belonging yang menzahirkan rasa sayang dan sikap kebertanggungjawaban kita terhadap organisasi. Manakala huruf E pula membawa erti efektif. Efektif yang dimaksudkan adalah kerja yang dibuat memberikan kesan yang bermakna kepada diri penjawat awam itu sendiri, organisasi dan terutamanya pelanggan. Umpamanya, jika seseorang operator talian aduan awam sesebuah jabatan menerima panggilan telefon daripada pelanggan, unsur efektif akan wujud hanya apabila aduan pelanggan itu diambil tindakan yang sewajarnya oleh semua pihak dalam jabatan tersebut dan memuaskan hati pelanggan tersebut.

Ramuan ABCDE ini bukanlah terhad sekadar elemen-elemen tersebut sahaja, bahkan jika ada unsur-unsur positif diwakili sehingga ke huruf Z sekalipun, ia perlu diamalkan dalam bekerja dan diyakini membantu seseorang penjawat awam itu mencipta kesempurnaan dalam bekerja. Rasionaliti, sehingga bila-bila sektor awam akan sentiasa berkhidmat kepada rakyat dan perkhidmatan yang diberikan perlulah kekal di kelas pertama. Kekal di kelas pertama hanya bila para penjawat awam mampu mengekalkan kualiti dan integriti kerja yang mantap. AN.

* Semua penulis merupakan pensyarah di Program Dakwah dan Pengurusan Islam



Teknik Persembahan PowerPoint Secara Efektif

Oleh : Selvarani a/p P.Kovil Pillai

Lumrahnya, kita menggunakan PowerPoint untuk menyampaikan maklumat kepada audien. Kebiasaannya, seseorang itu berasa takut pada awal persembahan tetapi ketakutan itu mulai reda apabila penyampai fokus kepada kandungan persembahan mereka dan wujud keyakinan untuk berhadapan dengan audien. Pepatah mengatakan belakang parang diasah lagikan tajam, maka dalam konteks persembahan PowerPoint juga, lagi banyak kita membuat persembahan, bertambahlah pengalaman dan keyakinan untuk membuat persembahan dengan lebih efektif dan berkesan.

Dua elemen penting dalam persembahan PowerPoint ini adalah kemahiran komunikasi individu yang menggunakannya serta betapa kreatif individu tersebut dalam menyediakan slide-slide persembahan yang efektif dan berkualiti. Namun begitu, artikel ini akan menumpukan perhatian kepada penyediaan slide yang sesuai dan efektif untuk menyampaikan maklumat.

Kita seharusnya menguasai kemahiran untuk menggunakan PowerPoint dengan bijak dan efektif supaya maklumat yang disampaikan kepada audien tidak membosankan serta memastikan audien memahami maklumat tersebut tanpa sebarang kekeliruan atau gangguan. Satu aspek yang sangat penting dalam apa jua komunikasi adalah elemen "noise" atau gangguan yang boleh menjejaskan kualiti komunikasi tersebut. Contohnya gangguan dari segi penggunaan saiz huruf yang kecil atau penggunaan kombinasi warna yang tidak serasi dan mengganggu konsentrasi audien.

Antara perkara yang harus diberi perhatian dalam PowerPoint ialah pertamanya menggunakan kombinasi gambar, carta dan graf dan video digital (sekiranya perlu) di samping teks agar ia mewujudkan variasi dan dapat menarik perhatian audien. Sekiranya penyampai hanya menggunakan teks sahaja, ia tentu akan membosankan audien. Namun sebagai penyampai yang bijaksana perlu memastikan tidak terlampau banyak data, sehingga banyak detail yang perlu diperhatikan oleh penyampai.

Ada penyampai yang menyediakan berpuluh-puluh slide untuk memuatkan setiap perkataan yang akan disebut itu di dalam slaid agar mereka tidak hilang idea semasa membuat persembahan. Adakalanya banyak slaid yang tidak digunakan. Penyampai juga perlu menukar slide dengan begitu kerap semasa persembahan sehingga sampai ke penghujung slaid "Terima Kasih". Sebenarnya slaid "terima kasih" itu tidak perlu, sebab slaid kesimpulan itu sendiri sudah menunjukkan bahawa penyampai telah sampai ke penghujung persembahan. Penyampai boleh mengucapkan terima kasih secara lisan sahaja. Kita harus menghadkan penyediaan slaid, mungkin adalah baik kita menggunakan satu slaid untuk satu minit. Ini juga berkaitan dengan penyediaan awal di mana penyampai seharusnya sudah berlatih dua kali atau tiga kali untuk memastikan jumlah slaid yang disediakan itu berpatutan dan dapat memenuhi masa yang diperuntukkan.

Kebiasaannya, Microsoft PowerPoint ada menyediakan "template" tertentu untuk penyampaian. Perkara penting yang harus diberi perhatian adalah sasaran audien tersebut. Sekiranya sasaran adalah terdiri daripada ahli akademik atau korporat, maka layout atau latar belakang slaid yang dipilih adalah mudah dan terang dan tidak dipenuhi dengan corak atau garisan yang kreatif. Namun sekiranya audien itu merupakan kanak-kanak sekolah, maka kita boleh memilih latar belakang yang penuh dengan warna-warni serta gambar-gambar serta diselitkan dengan animasi yang boleh menarik perhatian mereka.

Seharusnya kita menggunakan kombinasi warna teks dan latar belakang yang kontra. Contohnya, teks gelap digunakan maka latar belakang haruslah warna yang terang. Namun latar belakang yang putih sahaja tidak begitu menarik, mungkin kita boleh menggunakan warna kuning air atau "beige" atau lain-lain warna terang yang sesuai. Bayangkan warna di dinding rumah kita, kalau putih sahaja nampak bersih tetapi tidak menarik. Namun demikian bagi mereka yang gemar menggunakan latar belakang yang gelap, mereka perlu memastikan teks yang digunakan adalah warna yang terang.

Penggunaan "font" atau jenis huruf yang sesuai adalah sangat penting dalam PowerPoint. Kebiasaannya huruf yang digunakan adalah "Arial", "Courier New", dan "Verdana". Prinsip penting dalam penggunaan jenis huruf adalah untuk memastikan maklumat yang dipaparkan di slaid itu jelas dan terang. Adalah baik jika kita menggunakan satu jenis huruf sahaja atau maksimum

dua jenis huruf, satu jenis untuk tajuk dan satu lagi untuk kandungan. Namun kita harus mengelakkan penggunaan pelbagai jenis huruf kononnya untuk mewujudkan variasi. Huruf hiasan seperti "script" perlu dielakkan kerana ia sukar dibaca oleh audien. Satu lagi aspek penting berkaitan dengan huruf adalah saiz huruf itu sendiri, di mana saiz yang paling sesuai adalah 24 atau 30. Sebelum memulakan penyampaian, adalah baik sekiranya kita bertanyakan kepada audien yang paling di belakang sama ada mereka dapat melihat slaid yang disediakan kerana kita masih sempat menukar saiz huruf tersebut sebelum memulakan persembahan.

Satu lagi perkara yang paling penting adalah penggunaan frasa dalam slaid dan bukannya ayat yang panjang yang membosankan audien. Sebaliknya maklumat yang disediakan dalam bentuk frasa. Frasa-frasa yang disediakan itu merupakan poin-poin penting yang ingin disampaikan oleh penyampai. Semasa penyampaian, poin-poin tersebut akan dikupas dan dijelaskan secara detail kepada audien. Dalam sesuatu slaid persembahan, tiga atau empat poin sudah memadai untuk dijelaskan kepada audien. Sekiranya terlampau banyak poin yang ingin disampaikan dalam waktu yang singkat pasti akan menyebabkan penyampai tersebut akhirnya letih dan lesu seperti berlari dalam maraton. Poin-poin yang penting harus diletakkan di permulaan slaid dan tidak tersembunyi di barisan terakhir. Ini adalah untuk mengelakkan audien di belakang terlepas pandang.

Antara perkara yang perlu dielakkan semasa menggunakan persembahan PowerPoint ialah mengelakkan daripada membuat kesilapan ejaan kerana ia boleh menjejaskan kredibiliti seseorang penyampai. Satu lagi perkara yang perlu dielakkan sama sekali adalah untuk menggunakan huruf besar untuk semua teks. Penggunaan huruf besar ini adalah ibarat anda menjerit kepada audien. Ini juga satu lagi gangguan kepada audien.

Ada juga penyampai yang cuba menggunakan jari sebagai "pointer" di slaid sehinggakan bayang penyampai kelihatan di skrin besar. Penyampai perlu sentiasa menggunakan "pointer" elektronik untuk fokus poin penting. Namun penyampai perlu menggunakannya dengan bijaksana. Jangan memusing-musingkan "pointer" tersebut untuk membulatkan poin-poin penting, kerana ia mengganggu tumpuan audien dan menyakitkan mata audien. Sekiranya ada poin yang ingin ditekankan maka "pointer" tersebut boleh ditempatkan di sebelah tepi poin tersebut.

Kita harus menghadkan penggunaan tanda bacaan seperti koma, dengan tanda dan untuk mengelakkan daripada slaid yang bertaburan dengan tanda bacaan. Begitu juga dengan penggunaan terlampau banyak "bullet point" sehinggakan sesuatu skrin itu penuh dengan "bullet point". Sekiranya menggunakan "bullet point", sekadar tiga poin sudah memadai. Poin-poin tambahan bolehlah dijelaskan secara lisan.

Kesimpulannya, seseorang itu seharusnya bijak dan belajar menggunakan PowerPoint dengan sebaik mungkin kerana agar maklumat yang disampaikan itu diterima dengan tepat dan berkesan oleh audien. Pada masa sama ia juga meningkatkan kredibiliti kita sebagai komunikator yang berwibawa. AN

• Penulis merupakan Pensyarah di Program Komunikasi

“
Antara perkara yang harus diberi perhatian dalam PowerPoint ialah pertamanya menggunakan kombinasi gambar, carta dan graf dan video digital (sekiranya perlu) di samping teks agar ia mewujudkan variasi dan dapat menarik perhatian audien. Sekiranya penyampai hanya menggunakan teks sahaja, ia tentu akan membosankan audien.
”



Islamic-Based Counseling

By: Dini Farhana Baharudin

Spirituality has received increased attention in the counseling field and both spirituality and religion have been acknowledged as important aspects of multiculturalism (Fukuyama & Sevig, 1997). Recent development in the Malaysian society also shows the importance of integrating religion and spirituality into counselor practice and training. According to the Malaysian Population and Housing Census 2010, the majority of the Malaysian population professed the religion of Islam (61.3%). As many of them reports allegiance to the Islamic religion, there is an increasing need for counselors, especially those from the Muslim origins, to have the experience and training to work with them. Since spirituality appears to play an important role in clients' lives, counselors have a responsibility to explore how they beliefs may serve as a resource for change (Becvar 1997).

Previous publications in Malaysia also support the notion of the need to have counseling practices with an Islamic inclination (Kamal 2000; Mardiana & Lily Mastura 2006; Mizan Adiliah, Wan Mohd. Fazrul Azdi & Hanit 2006). However, what is Islamic-based counseling?

Islamic-based counseling is an integration of contemporary psychology and its various approaches with the wisdom and guidance of the Qur'an and Sunnah. It utilizes the traditions and methods of prominent Muslim scholars and scientists that have contributed to the field of psychology throughout Islamic history. Islamic-based counseling is holistic, and it focuses on preventive measures as well as addressing immediate concerns and issues. It considers the whole person as an integration of mental, physical, and emotional aspects, as well as an expression of lifestyle and social environment. Most importantly, it looks upon spiritual development as the cornerstone for healing and prevention of future problems.

The pillars of the Islamic-based counseling are built on the conception of the human being as a whole, including physical, mental, emotional, moral, and spiritual aspects of living. These aspects are addressed not just in pursuit of happiness and success in this life, but within the larger perspective of development of the self or soul, and its stages. The Islamic-based counseling is unique, transformative, and sublime because the therapeutic principles of insight, intervention, and practical application are built upon the ultimate truth of the glorious Qur'an and Sunnah of Prophet Muhammad SAW.

The Islamic model of counseling distinguishes itself from other Western models by being derived from a divine source. Thus spiritual and moral values, as well as human values, stand at the core of mental and emotional healing, and its subsequent behavior modification. At the same time, the Islamic model of counseling does not shy away from drawing on both classical and contemporary

knowledge. According to the narration of Prophet Muhammad SAW: "Wisdom is the lost property of the believer; so wherever he finds it, he has the better right to it" (Al-Tirmidhi). Muslims may, therefore, benefit from Western thought, science, and practical application wherever it accords with Islamic beliefs and principles.

In order for counseling to be fruitful and successful, the counselor and the client must have a mutual understanding as to what counseling is and what it is not. Here is a list of what client can expect to

- It is a confidential relationship between counselor and client, based on the highest sense of mutual trust, respect and understanding.
- It is an educational process.
- It is a means to facilitate the decision-making process, to enhance personal development and potential, to encourage self-examination and deepen self-understanding.
- It is a means of prevention of problems and being pro-active, as in premarital counseling.
- It is a means of improving the relationships in four areas: relationship with Allah SWT, relationship with self; relationship with other people; relationship with the creation/ environment.
- It is an exploration of all the possible sources of conflict and emotional distress, and a means of discovering ways and designing plans to remove or resolve these issues.
- It is an opportunity for the client, with the help of the counselor, to identify and become keenly aware of misunderstandings and delusions about the self and others; it is a way of taking an active role to reconstruct a healthy self-perception.
- It is an experience through which the client can acquire additional tools and skills to successfully meet the challenges and stresses of daily life.
- It is the chance for the client to identify meaningful goals for himself or herself, and learn to work toward those goals with patience and perseverance to achieve them. AN

* The author is a lecturer in Counseling Program.

“

Islamic-based counseling is an integration of contemporary psychology and its various approaches with the wisdom and guidance of the Qur'an and Sunnah

”



How to read a newspaper

By: Noor Adzrah Ramle

You want to stay informed about the world but you have such a hectic life that prevent you from spending your time reading newspapers. Your busy schedule should never hold you back from taking a few minutes to learn about what's happening across the country and the world. This article will (hopefully) assist you on your ways to reading newspapers like a pro.

1. Starting with page one is usually a good idea.

With such a variety of information, where does a reader start? Page one is where the editor places the most important and most interesting stories of the edition. Therefore, a reader would do well to begin by looking briefly at each of the stories on the front page. They represent the editor's top recommendations. Sometimes a story that might not seem newsworthy at first is placed on page one because of some other merit. It might be particularly well written, ironic, or touching.

2. Always remember that newspapers are written with a very specific formula. Newspapers are designed for scanning; you do not have to read every single word of every story. The who, what, when, where, why and how always come first. Everything else, background information, quotes from witnesses etc comes later. It would be crazy to read every word of a newspaper. Most people will read the beginning of a story to decide whether they want to continue reading.

3. Start with the headlines. Do some scanning. Headlines usually declare what the story is about upfront but every now and then you may stumble upon one that is more puzzling. The headline presents the gist of the story, so you can skip over some stories and read others. Remember that some stories will directly affect you while others may not. Just use your best judgment in selecting which stories you want to read based on their headlines. There are topics that will likely affect you in one way or another, include politics (anything to do with new laws, taxes and elections) as well as consumer reports and national economy and safety. However, there are some things that probably would not have an immediate impact on your life, for examples celebrity news and high fashion. Keep in mind that the Internet usually provides better information that is up-to-date on celebrities and fashion trends than newspapers do, but newspapers often provide the most in-depth coverage and analysis of politics, business, and the economy.

